

Soalan Lisan Oktober-November 2011

Written by Tengku Razaleigh Hamzah

Saturday, 24 September 2011 10:38 - Last Updated Sunday, 02 October 2011 15:45

Hari Selasa, 4.10.11

1. Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) minta **Menteri Kewangan menyatakan sejauh mana benarnya krisis ekonomi yang melanda Amerika dan Eropah tidak menjejaskan kestabilan serta perkembangan ekonomi negara** sebagaimana dakwaan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bulan lalu.

Hari Selasa, 11.10.11

2. Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) minta **Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan apakah jaminan kerajaan mutu penyiaran yang disalurkan oleh stesyen TV swasta benar-benar setimpal dengan kadar harga yang dikenakan serta berapa lamakah hak eksklusif diberikan kepada syarikat Astro**

Hari Selasa, 18.10.11

3. Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) minta **Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan tindakan kerajaan menghadapi ancaman krisis makanan global di mana bekalan beberapa jenis makanan bakal berkurangan di pasaran supaya rakyat juga terhindar dari ancaman kekurangan beras** memandangkan simpanan beras negara yang hanya berjumlah 360,000 tan cukup bagi tempoh

Soalan Lisan Oktober-November 2011

Written by Tengku Razaleigh Hamzah

Saturday, 24 September 2011 10:38 - Last Updated Sunday, 02 October 2011 15:45

satu bulan sahaja.

Hari Selasa, 8.11.11

4. Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) minta **Menteri Perdagangan Dalam Negeri menyatakan berapakah sebenarnya jumlah Pendatang Tanpa Izin yang berada di negara ini dan apakah bentuk kawalan dilakukan demi menjamin negara terhindar dari kebanjiran pendatang tersebut.**

Hari Selasa, 22.11.11

5. Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) minta **Perdana Menteri menyatakan kriteria yang menyebabkan Syarikat Mydin dipilih untuk mengujudkan Kedai 1Malaysia dan dari dana manakah peruntukan RM 1billion dibuat dan apakah syarat-syarat yang dikenakan untuk mengguna peruntukan tersebut dan apakah penalti sekiranya Syarikat Mydin gagal menjayakan objektif penubuhan Kedai 1Malaysia.**